

# FWD Critical Illness Lite Rider

Sokongan kewangan bagi penjagaan  
penyakit kritikal anda



Hubungi hotline kami: 1300 13 7988

# Bagaimanakah anda atau keluarga anda dapat menampung perbelanjaan sekiranya anda tidak boleh bekerja akibat sakit?

**Kita menyedari kepentingan memiliki kesihatan yang baik dan berusaha sedaya upaya untuk menjaga kesihatan kita. Kebanyakan keluarga berbelanja untuk makanan yang sihat dan membeli suplemen serta rawatan kesihatan untuk mengekalkan kesihatan mereka. Ini merupakan satu usaha yang baik.**

Namun kita masih belum terlindung daripada diserang penyakit yang serius. Jika anda mengalami penyakit yang serius, dengan sekelip mata, keupayaan anda untuk berdikari dan menyara tanggungan anda boleh terjejas. Namun kita selalunya tidak bersedia menghadapi keadaan ini. Mungkin juga kita tidak mahu memikirkannya langsung. Atau mungkin kita merasakan kos untuk melindungi keluarga adalah terlalu tinggi.



Namun realitinya, melabur untuk perlindungan daripada penyakit yang serius atau kritikal adalah sama penting dan berharga seperti melabur untuk kesihatan dan kesejahteraan kita. Berbeza daripada apa yang mungkin anda sangkakan, perlindungan untuk penyakit kritikal adalah berpatutan – terutamanya jika mengambil kira bantuan kewangan dan keselesaan emosi yang dapat anda berikan kepada keluarga anda pada saat-saat yang diperlukan.

FWD Critical Illness Lite Rider menawarkan cara yang ekonomik lagi bijak untuk mempertingkatkan tahap perlindungan anda. Anda mempunyai pilihan untuk menyertai rider ini bersama dengan pelan asas anda pada bila-bila masa, anda hanya perlu memilih tahap perlindungan dan tempoh perlindungan yang sesuai dengan keperluan anda.

---

## Bagaimana rider ini berfungsi?

Rider anda menyediakan manfaat perlindungan berikut. Manfaat ini disediakan sebagai tambahan kepada manfaat sijil anda, dan anda perlu membayar sumbangan yang berasingan untuk memastikan perlindungan ini berkuat kuasa.



Kami akan membayar kepada anda 100% daripada jumlah dilindungi jika orang dilindungi:


- didiagnosis kali pertama dengan penyakit kritikal yang merupakan keadaan kesihatan; atau
- menjalani prosedur perubatan kali pertama, jika penyakit kritikal adalah prosedur perubatan semasa dilindungi di bawah rider.

---

## Keadaan penyakit kritikal utama yang dilindungi oleh FWD Critical Illness Lite rider

1. Serangan jantung
2. Penyakit Alzheimer atau demensia yang teruk
3. Meningitis bakteria
4. Tumor otak benigna
5. Kebutaan
6. Pembedahan otak
7. Kanser
8. Kardiomiopati
9. Anemia aplastik kronik
10. Koma
11. Pembedahan pintasan arteri koronari
12. Pekak
13. Ensefalitis
14. Kegagalan hati peringkat akhir
15. Kegagalan paru-paru peringkat akhir
16. AIDS dengan gejala penuh
17. Virus hepatitis fulminan
18. Pembedahan injap jantung
19. Jangkitan HIV akibat pemindahan darah
20. Kegagalan buah pinggang
21. Kehilangan upaya untuk berdikari
22. Menjadi bisu
23. Kecederaan kepala teruk
24. Pemindahan organ utama atau sumsum tulang
25. Penyakit neuron motor
26. Sklerosis berbilang
27. Distrofi otot (berumur lebih 11 sahaja)
28. Lumpuh anggota badan
29. Penyakit parkinson
30. Hipertensi arteri primer pulmonari
31. Penyakit arteri koronari serius
32. Strok
33. Pembedahan aorta
34. Sistemik Lupus Erythematosus dengan komplikasi buah pinggang yang teruk
35. Penyakit terminal
36. Lecur tahap tiga

## Kelayakan

Jumlah Dilindungi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum: RM50,000</li> <li>• Maksimum: Sehingga RM1,000,000</li> </ul> Jumlah Dilindungi hendaklah dalam gandaan RM1,000	
Tempoh Sijil*	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Minimum: Tempoh 5 tahun</li> <li>• Maksimum: Sehingga umur 80 tahun pada hari lahir berikutnya dan perlu mengikuti umur tamat pelan asas.</li> </ul>	
Sumbangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran terhad 5/10/15 tahun atau sumbangan Berkala dan anda boleh pilih untuk membayar sumbangan anda secara bulanan, suku tahunan, separuh tahunan atau setiap tahun.</li> </ul>	
Umur Penyertaan		
Orang Dilindungi	Umur penyertaan minimum: 1 bulan	Umur penyertaan maksimum: Sehingga umur penyertaan pelan asas
Pemilik Sijil	Umur penyertaan minimum: 17 tahun pada hari lahir berikutnya	Umur penyertaan maksimum: <ol style="list-style-type: none"> <li>65 tahun pada hari lahir berikutnya; tetapi</li> <li>Tiada had umur penyertaan maksimum jika ia adalah sijil pihak ketiga, dimana pemilik sijil dan orang dilindungi adalah berlainan.</li> </ol>

\*Bergantung pada umur matang yang dipilih, tertakluk pada tempoh sijil minimum 5 tahun.

Nota: Umur merujuk kepada umur pada hari lahir berikutnya.

## Bagaimana rider ini berfungsi?

Johan kini mula sedar tentang kepentingan kesihatan dan kesan penyakit kritikal terhadap kewangan serta emosi bagi sesebuah keluarga. Dia kemudiannya membuat keputusan untuk menambah FWD Critical Illness Lite Rider kepada pelan asas FWD Future First sedia ada yang dimilikinya.



Johan menyertai FWD Critical Illness Lite Rider dengan jumlah perlindungan sebanyak RM200,000 sebagai tambahan kepada pelan asas FWD Future First yang bernilai RM500,000.



Suatu hari, selepas tiga tahun kemudian, Johan jatuh sakit di tempat kerja dan dimasukkan ke hospital. Dia mendapat diagnosis penyakit jantung yang memerlukan pembedahan jantung.

Walaupun Johan memiliki perlindungan perubatan daripada syarikat di mana dia bekerja, jumlah ini tidak dapat menampung kos penuh rawatan hospital dan pembedahan. Mujurlah Johan menyertai FWD Critical Illness Lite Rider dan menerima RM200,000 bagi menampung kos pembedahan jantung tersebut.



Bayaran FWD Critical Illness Lite Rider turut membantu meringankan beban kewangan keluarga sementara menunggu Johan pulih daripada pembedahan.



Johan terus mendapat perlindungan daripada pelan asas FWD Future First dengan jumlah perlindungan sebanyak RM300,000 yang telah dikurangkan.



## Manfaat penyakit kritikal

- Kami akan membayar 100% daripada jumlah dilindungi rider jika orang dilindungi menghadapi salah 1 daripada 36 penyakit kritikal.
- Jumlah dilindungi rider yang dibayar akan mengurangkan jumlah dilindungi pelan asas mengikut amaun yang dibayar.

Pelan asas akan diteruskan dengan jumlah dilindungi berkurangan sehingga tarikh tamat sijil dengan bayaran sumbangan seperti yang dinyatakan.

Nota penting: Manfaat ini dibayar daripada Dana Risiko Peserta anda.

## Bila kami tidak membayar sebarang manfaat

Di FWD Takaful, kami tidak akan menetapkan senarai klausa panjang yang tersembunyi yang menghalang kami daripada membayar manfaat kepada anda. Jadi kami telah meringkaskan senarai pengecualian kami kepada hanya 3 kriteria. Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah pelan ini jika tuntutan berpunca daripada:

### Cubaan bunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri

Cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri dalam masa setahun selepas rider anda bermula atau tarikh terakhir kami menghidupkan semula rider anda.

### Tindakan perang

Tindakan perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau sebarang peristiwa yang serupa.

### Tindakan menyalahi undang-undang

Apabila anda atau orang dilindungi secara sukarela menyertai dalam tindakan yang menyalahi undang-undang atau kegagalan untuk bertindak mengikut undang-undang.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sija rujuk Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.

## Tempoh menunggu

Kami tidak akan membuat sebarang bayaran untuk manfaat penyakit kritikal jika tanda-tanda atau simptom yang menyumbang kepada diagnosis penyakit tersebut menjadi jelas kepada orang dilindungi dalam tempoh di bawah:

- Kanser, keadaan kardiovaskular dan tumor sebelum atau dalam tempoh 60 hari selepas tarikh permulaan rider atau tarikh penghidupan semula rider (jika rider dihidupkan semula).
- Keadaan-keadaan lain sebelum atau dalam tempoh 30 hari selepas tarikh permulaan rider atau tarikh penghidupan semula rider (jika rider dihidupkan semula).

## Adakah kami patuh Syariah?

1. Kami menguruskan sumbangan anda dan operasi takaful kami berdasarkan kontrak Syariah Wakalah dan berpandukan jawatankuasa Syariah kami.



Takaful adalah konsep saling membantu berdasarkan semangat persaudaraan dan solidariti di mana anda dan peserta lain bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sekiranya salah seorang peserta lain mengalami kerugian tertentu.



Wakalah bermaksud seseorang melantik satu pihak yang lain sebagai wakilnya.

2. Kami memasukkan sumbangan anda, di tolak yuran Wakalah, ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai tabarru'. Tabarru' digunakan untuk membayar manfaat kepada orang yang layak menerimanya berdasarkan:

- perpaduan persaudaraan dan kerjasama dalam kalangan peserta; dan
- terma dan syarat mengikut sijil



Tabarru' adalah derma untuk tujuan takaful.

3. Sekiranya DRP menunjukkan prestasi yang baik, kami akan menggunakan 50% daripada lebih sebagai Ju'alah dan baki 50% akan diagihkan kepada para peserta yang layak.



Jika nilai DRP tidak mencukupi untuk membayar tuntutan, kami akan memberikan Qard yang merupakan pinjaman tanpa faedah kepada DRP.



Ju'alah merupakan ganjaran kepada Pengendali Takaful bagi prestasi baik DRP yang akan diuruskan.

---

## Jika anda berubah fikiran

Jika anda tidak berpuas hati dengan sijil anda, dan anda belum membuat tuntutan di bawahnya, anda mempunyai 15 hari daripada tarikh penerimaan sijil anda untuk membatalkannya dan menerima kembali sumbangan anda, ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada).

---

## Jika anda tidak membayar sumbangan yang perlu dibayar

Anda perlu membayar sumbangan rider anda bersama dengan sumbangan pelan asas sebelum tarikh akhir. Kami memberi anda tempoh tangguh selama 60 hari untuk membayar sumbangan.

- Jika pelan asas anda tidak mempunyai akaun simpanan peserta dan jika anda belum membayar jumlah sumbangan penuh yang perlu dibayar, kedua-dua sijil asas dan rider anda akan tamat selepas tempoh tangguh.
- Jika pelan asas anda mempunyai akaun simpanan peserta, maka kami akan menolak jumlah tabarru' daripada Akaun Simpanan Peserta anda setelah tamat tempoh tangguh.

Jika dana dalam akaun simpanan peserta anda tidak cukup untuk membayar rider dan sijil tabarru' anda, pelan asas dan juga perlindungan rider anda akan tamat.



## Manfaat serahan

Untuk pilihan bayaran selain daripada bayaran berkala, kami akan mengembalikan sebahagian daripada sumbangan yang telah dibayar sekiranya anda menyerahkan sijil anda. Sila rujuk kepada ilustrasi manfaat anda untuk memahami jumlah layak bagi setiap tahun.

## Berapakah yuran wakalah

Tahun sijil	1	2-3	4	5-10	11+
*Yuran Wakalah	70%	55%	40%	25%	10%

\*Caj ini berasaskan rider dengan pilihan bayaran sumbangan berkala. Untuk tempoh bayaran sumbangan yang lebih pendek, caj yang lebih rendah akan dikenakan.

## Nota penting

1. Risalah ini tidak membentuk kontrak antara anda dan FWD Takaful Berhad. Terma dan syarat lengkap dinyatakan dalam dokumen sijil.
2. FWD Critical Illness Lite Rider bukanlah produk simpanan atau pelaburan. Anda tidak akan menerima apa-apa wang daripada rider ini selain daripada manfaat penyakit kritikal.
3. Anda berhak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai rider ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).
4. Melalui rider ini, manfaat tidak akan dibayar apabila tamat atau mencapai kematangan. Oleh itu anda perlu memastikan rider ini sesuai dengan keperluan anda dan sumbangan tersebut berpatutan dengan kemampuan anda.
5. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai yuran, caj dan butiran lain, sila rujuk kepada Risalah Pemberitahuan Produk dan Ilustrasi Manfaat yang disediakan oleh Ejen kami.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi ejen anda, hubungi hotline kami atau layari laman web kami di [fwd.com.my](http://fwd.com.my)



Khidmat Hotline  
1300 13 7988



Anda sudah menjadi pelanggan? Sila log masuk ke portal pelanggan kami

## Mengenai FWD Takaful Berhad

FWD Takaful Berhad (“FWD Takaful”) adalah pengendali Takaful di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan Takaful keluarga. FWD Takaful dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Ditubuhkan di Asia pada tahun 2013 dengan matlamat sebagai perintis, Kumpulan FWD (“FWD”) adalah perniagaan insurans utama kumpulan pelaburan, Pacific Century Group.

Ia adalah unit perniagaan Takaful FWD – yang merangkumi 10 pasaran di Asia termasuk Hong Kong SAR & Macau SAR, Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura, Vietnam, Jepun, Malaysia dan Kemboja; menawarkan insurans hayat dan perubatan, insurans am, pelan perlindungan pekerja, pelan perlindungan Shariah dan Takaful keluarga merentasi beberapa pasarannya.

FWD menumpukan usaha untuk mencipta pengalaman pelanggan yang baru dan menjadikan insurans lebih mudah, cepat dan lancar, dengan pembaharuan yang inovatif dan pelan perlindungan yang mudah difahami, disokong oleh teknologi digital. Melalui pendekatan yang didorong oleh pelanggan ini, FWD mensasarkan untuk menjadi peneraju insurans Asia yang mengubah pandangan terhadap insurans.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [fwd.com.my](http://fwd.com.my).